

PM mahu
semua
pihak
termasuk
swasta
bekerjasama

UM 27 MAY 1991

SEREMBAN 26 Mei. — Perdana Menteri hari ini mahukan semua pihak termasuk sektor swasta bekerjasama dengan kerajaan membangunkan negara ini bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ~~ini kerana tanpa kerjasama itu~~ matlamat untuk menjadi negara ini maju dan disegani oleh dunia sukar untuk dicapai.

Serentak dengan itu beliau menyeru rakyat supaya bekerja dengan lebih kuat dan mendisiplinkan diri mereka dalam menghadapi cabaran untuk menjayakan matlamat wawasan itu.

Perdana Menteri berkata demikian ketika memberi taklimat mengenai Wawasan 2020 kepada para penyokong Barisan Nasional, kakitangan kerajaan dan sektor swasta di Dewan Majlis Perbandaran Seremban (MPS) di sini petang ini.

Turut hadir ialah Menteri Besar, Dato' Haji Mohd. Isa Haji Abdul Samad.

Dato' Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan rakyat janganlah terlalu mengharap bantuan Kerajaan dalam membangunkan ekonomi mereka tanpa berusaha dengan gigih dan tekun.